

Notis Penting bertarikh 27 Januari 2026**Notis Pindaan kepada Terma dan Syarat Kempen Keuntungan Bonus Penjual Mikro CIMB**

Pelanggan Yang Dihargai,

Harap maklum bahawa Terma dan Syarat sedia ada bagi “Kempen Keuntungan Bonus Penjual Mikro CIMB” (“**Terma dan Syarat**”) akan dipinda dan berkuat kuasa pada **17 Februari 2026**.

Untuk memudahkan rujukan, jadual pindaan/klausa baharu Terma dan Syarat dinyatakan dalam lampiran di bawah.

Sila rujuk laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan Terma dan Syarat yang telah dipinda.

Klausa Baharu**Penghantaran *DuitNow QR Starter Kit* Kempen**

9. Penghantaran *DuitNow QR Starter Kit* Kempen dikendalikan oleh Tri-E Marketing Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 825150-M], iaitu vendor yang dilantik dan diberi kuasa oleh CIMB, dengan alamat perniagaan di A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
10. Tri-E Marketing Sdn Bhd akan berhubung secara langsung dengan Peserta Layak bagi tujuan penghantaran *DuitNow QR Starter Kit* Kempen.
11. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak memberi kuasa, bersetuju dan memberi kebenaran bahawa nombor telefon Peserta Layak yang disimpan dalam rekod CIMB boleh didedahkan kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi tujuan tunggal untuk memudahcara penghantaran *DuitNow QR Starter Kit* Kempen.
12. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang timbul daripadanya) yang dialami atau sebarang kegagalan dalam melaksanakan penghantaran *DuitNow QR Starter Kit* Kempen.
13. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul daripada atau berkaitan dengan *DuitNow QR Starter Kit* Kempen.

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad